

Pemulihan ekonomi tingkat kenaikan gaji di Asia Pasifik

BH 25 JAN 2001

PEMULIHAN ekonomi di rantau Asia Pasifik memberi kesan positif kepada kenaikan gaji tahun lalu, menurut kaji selidik Hewitt Associates, syarikat khidmat runding pengurusan sejagat.

Dalam satu kaji selidik membabitkan 1,015 syarikat tempatan, asing dan usaha sama Asia Pasifik yang dijalankan baru-baru ini, mendapati aliran kenaikan gaji dan membayar ganti rugi berkembang dengan baik.

Kaji selidik itu yang dijalankan secara menyeluruh membabitkan 11 negara iaitu Malaysia, Australia, China, Hong Kong, India, Indonesia, Jepun, Korea Selatan, Filipina, Singapura dan Thailand.

Hewitt Associates dalam kenyataan di Kuala Lumpur, menjelaskan syarikat yang beroperasi di India mencatat kenaikan purata gaji asas paling tinggi sepanjang tahun lalu daripada 12.4 peratus hingga 15.1 peratus bergantung

kategori kerja. Sementara Indonesia menduduki tangga kedua teratas dengan syarikat menaikkan kadar gaji antara 13.3 peratus dan 14.8 peratus..

Hewitt Associates berkata, kenaikan gaji paling minimum ialah syarikat yang beroperasi di beberapa negara membangun termasuk Jepun dan Hong Kong dengan masing-masing antara 2.3 peratus dan tiga peratus serta 2.7 peratus hingga 3.8 peratus.

Secara perbandingan, peningkatan gaji di China terutama di Shanghai ialah pada purata daripada 6.3 peratus hingga 9.4 peratus.

Ketua Hewitt Associates, Frank Johnson, berkata perbezaan kenaikan gaji antara negara membangun dan negara maju dilihat cukup menarik.

"Majikan di negara membangun kembali mengambl peluang mengiktiraf kakitangan mereka. Kenaikan gaji terjejas disebabkan

kegawatan ekonomi dan kemerosotan prestasi syarikat," katanya.

Katanya, kenaikan merit atau pembayaran ganti rugi yang perlu diperolehi oleh kakitangan setiap tahun turut menyumbang kepada peningkatan pembayaran pada tahun lalu.

Mengenai perkembangan pada tahun ini, majikan di rantau Asia Pasifik dijangka mengekalkan kadar kenaikan atau lebih tinggi bagi pembayaran gaji dan merit.

"Sebagai contoh, majikan di India dijangka menaikkan gaji secara purata antara 11.8 peratus dan 15.6 peratus. Sementara kenaikan merit daripada 8.3 peratus hingga 15.4 peratus iaitu yang paling tinggi di rantau ini," katanya.

Dalam pada itu, majikan di Hong Kong pula mengunjurkan kenaikan paling rendah bagi purata gaji asas antara empat dan 4.3 peratus.